

U B384 AAB  
MAHATHIR-THATCHER  
DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN

LONDON, 25 MEI (BERNAMA) -- BRITAIN TELAH BERSETUJU PADA DASARNYA UNTUK MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN MALAYSIA BAGI MEMBOLEHKAN KEDUA-DUA NEGARA MERAMPAS HARTA PENJENAYAH DADAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERSETUJUAN ITU DICAPAI DALAM PERTEMUAN BELIAU DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA PUAN MARGARET THATCHER, DI NO. 10 DOWNING STREET, DI SINI SEMALAM.

PERJANJIAN ITU AKAN MEMBOLEHKAN MALAYSIA MERAMPAS HARTA PENJENAYAH YANG SABIT KESALAHANNYA DI MALAYSIA KERANA MENGEDAR DADAH, YANG ADA DI BRITAIN, KATA BELIAU KEPADA PARA WARTAWAN MALAYSIA DI SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI SINI.

BEGITU JUGA SEBALIKNYA, JIKA SESEORANG ITU SABIT KESALAHAN SERUPA DI BRITAIN, KERAJAAN BRITISH BOLEH MERAMPAS SEGALA HARTANYA DI MALAYSIA YANG DIPERCAYAI DIPEROLEHI MELALUI PENGEDARAN DADAH, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR GEMBIRA KERANA PIHAK BERKUASA BRITAIN TELAH MENGAMBIL LANGKAH SEDEMIKIAN BAGI MEMERANGI WABAK DADAH DAN MENEGASKAN BAHAWA USAHA MEMERANGI DAN MEMBASMI GEJALA-ITU MEMERLUKAN TINDAKAN BERSAMA MASYARAKAT ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MALAYSIA BERCADANG MENGADAKAN PERJANJIAN SERUPA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN. SETAKAT INI, IA TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN SEPERTI ITU DENGAN THAILAND DAN SINGAPURA.

-- LAGI

1007MST 25 05 89

U B385 AAB  
MAHATHIR-THATCHER 2 LONDON

DALAM PERTEMUAN SEMALAM, DATUK SERI DR MAHATHIR DIIRINGI OLEH PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI SINI, DATUK MON JAMALUDDIN MANAKALA PUAN THATCHER OLEH SETIAUSAHA SULITNYA CHARLES POWEL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA PERKARA KHUSUS DI BINCANGKAN DALAM PERSOALAN DUA HALA ITU KERANA PADA UMUMNYA HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ADALAH BAIK.

PADA PERTEMUAN ITU, PUAN THATCHER MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN BRITAIN AKAN TERUS MEMBANTU MEMBIAYAI KAJIAN KEMUNGKINAN PROJEK-PROJEK TERTENTU, KATA PERDANA MENTERI SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BANTUAN PEMBANGUNAN BRITAIN ITU ADALAH SUATU YANG DILAKSANAKAN SEJAK BEBERAPA LAMA DAN TIDAK ADA KAITAN DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN MEMBELI SENJATA DAN PERALATAN YANG BERNILAI SERIBU JUTA POUND.

MEREKA JUGA TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT MENGENAI ISU SEMASA TERMASUK PERGOLAKAN DI CHINA, PERKEMBANGAN TERBARU ISU KAMPUCHEA, MASALAH DI NAMIBIA, SOAL PALESTIN DAN PERSIAPAN MENGADAKAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR OKTOBER DEPAN. -- LAGI

1017MST 25 05 89

U B386 AAB  
MAHATHIR-THATCHER 3 LONDON

MENGENAI NAMIBIA, BELIAU TELAH MENEKANKAN KEPADA PUAN THATCHER TENTANG PERLUNYA DITINGKATKAN JUMLAH TENTERA PENGAMAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) UNTUK MEMASTIKAN LANGKAH MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN.

PADA MASA INI TERDAPAT TERLALU RAMAI ASKAR AFRIKA SELATAN IAITU KIRA-KIRA 60,000 ORANG BERBANDING DENGAN 4,500 ORANG TENTERA PBB HINGGA MENIMBULKAN BANYAK MASALAH, KATANYA.

BELIAU MEMINTA JUMLAH ANGGOTA TENTERA PBB DI NAMIBIA DITAMBAH, MESKIPUN IA AKAN MENAMBAH PERBELANJAAN, SUPAYA MATLAMAT PBB MEMBANTU RAKYAT NAMIBIA MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN YANG BEBAS DAN MERDEKA MENJADI KENYATAAN.

MALAYSIA, JIKA PERLU, BERSEDIA MENAMBAHKAN ANGGOTA KONTINJENNYA UNTUK BERKHIDMAT DENGAN PASUKAN PBB DI NAMIBIA, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN BRITAIN -- KEDUA-DUANYA ANGGOTA MAJLIS KESELAMATAN PBB -- BERSETUJU UNTUK MEMBAWA PERKARA TERSEBUT BAGI DIBINCANGKAN OLEH MAJLIS.

MALAYSIA PERCAYA BAHAWA SATU KEPUTUSAN PENTING SEPERTI ITU HENDAKLAH DIBUAT OLEH BADAN DUNIA ITU DAN BUKAN OLEH SATU ATAU DUA NEGARA, KATANYA.

-- LAGI  
1022MST 25 05 89

0526

U B387 AAB  
MAHATHIR-THATCHER 4 LONDON

MENGENAI PALESTIN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGALU-ALUKAN SIKAP BRITAIN MENYOKONG PENDIRIAN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) YANG MEMPERJUANGKAN HAK RAKYAT PALESTIN KEMBALI KE TANAH TUMPAH DARAH MEREKA.

SEBALIKNYA, PERDANA MENTERI REJIM TEL AVIV, YITZAK SHAMIR HANYA MAHU MEMBERIKAN TARAF KERAJAAN SENDIRI SEDANGKAN BUMI PALESTIN DI TEBING SUNGAI JORDAN TETAP MENJADI WILAYAHNYA, KATA BELIAU.

SHAMIR MENEMUI THATCHER DI SINI PADA HARI SELASA UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN BRITAIN DALAM MENGHADAPI TEKANAN ANTARABANGSA BAGI MENERIMA KETETAPAN PBB MENGENAI PENYELESAIAN MASALAH PALESTIN.

BAGI PLO TIDAK ADA ERTINYA BERKERAJAAN SENDIRI TETAPI TIDAK MEMPUNYAI NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA  
1023MST 25 05 89